

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 26.10.2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan ke arah memperkasakan Institusi **SPRM** terutama dari aspek **Risikan, Siasatan** dan **Pendakwaan kes-kes rasuah.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagai langkah memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam aspek **Risikan, Siasatan** dan **Pendakwaan kes-kes rasuah**, pada tahun 2012, **SPRM** telah melaksanakan

pelbagai inisiatif penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan pencapaian prestasinya.

Strategi dan usaha yang berterusan dapat dilihat melalui pemodenan dan pemerksaan semua bahagian dalam SPRM. Salah satu peneraju paling utama dalam transformasi SPRM adalah Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) yang ditubuhkan pada Julai 2011 dengan objektif untuk mengkaji, memeriksa dan menasihati pengurusan tertinggi dalam pelaksanaan pelan strategik SPRM. Pakar daripada pelbagai bidang dilantik untuk memacu dan memastikan kejayaan pelaksanaan pelan tindakan dan strategi-strategi yang dirancang.

Di bawah JET, dua Pejabat Pengurusan Projek (PMO) telah ditubuhkan iaitu PMO (Operasi) dan PMO (Modal Insan). Di bawah PMO (Operasi), tujuh pasukan kerja di bawah pimpinan ketua masing-masing ditubuhkan iaitu RCI, Perundangan, Siasatan Berpasukan, Siasatan Proaktif, Pengurusan Aduan dan Siasatan Perakaunan Forensik. Bagi memastikan pencapaian matlamat, PMO (Operasi) juga saling bekerjasama dengan PMO (Modal Insan) untuk meningkatkan kompetensi dan modal insan SPRM.

Dalam konteks risikan, SPRM telah mengguna-pakai kaedah 'Intelligence Based Investigations' (IBI) yang mana kaedah ini dilaksanakan secara 'team based' (berkumpulan) yang turut melibatkan proses siasatan dan memastikan adanya keterangan yang mencukupi bagi tujuan pendakwaan. Kaedah ini telah terbukti berkesan dalam beberapa operasi yang telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah ini.

Namun begitu, kaedah risikan akan ditambah baik dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kaedah yang bersesuaian terkini dalam aktiviti risikan bagi membongkar aktiviti jenayah rasuah bersindiket.

Sekian, terima kasih.